

Uchapan aluan2 oleh Y.B.Inche Hussein
Onn, Menteri Pelajaran, pada hari pem-
bukaan resmi Pelancharan Perkhidmatan
TV Pendidekan oleh Y.A.B. Perdana
Menteri, pada 19hb. Jun 1972, jam 9.30
pagi di-Dewan Tunku Abdul Rahman, K.L.
=====

Y.A.B. Tun Perdana Menteri,

Y.A.B. Tun Timbalan Perdana Menteri,

Y.B. Menteri2,

Tuan2 ^{Yang} Terutama,

Y.B. Timbalan2 Menteri,

Tan Sri2,

Dato'2,

Tuan2 sekalian.

1. Tun Perdana Menteri, satu daripada arahan2 yang telah Tun berikan kepada saya dalam Rancangan Malaysia Kedua, ia-lah ~~untuk~~ mengadakan suatu Perkhidmatan TV Pendidikan pada tahun ini ^{dan} ~~supaya~~ mengatorkan rancangan talivishen untuk sekolah2 rendah dan menengah, terutama sekali dalam mata2 pelajaran Sibik, Bahasa2, Sains dan Ilmu Hisab. Pada pagi ini, Kementerian Pelajaran mendapat suatu penghormatan dengan kehadiran Tun untuk meresmikan pelancharan Perkhidmatan baharu ini.

2. Pelancharan Perkhidmatan Talivishen Pendidekan yang sebagini awal selepas arahan Tun itu, ~~tidaklah~~ ^{tidaklah} boleh terlaksana jika tidak ~~di-sebabkan~~ ^{ada} ada-nya kerja sama yang jitu di-beri kapada Kementerian Pelajaran oleh Kementerian2 Kewangan, Penerangan dan Perhubungan. Kapada rakan2 sejawat saya yang berkenaan, dan juga kapada pegawai2 dan kakitangan Kementerian2 yang berkenaan, saya ucapkan ribuan terima kaseh.

3. Antara rancangan² untuk kemajuan pelajaran
dan latehan pada keselurohan-nya dan dari segi
jangka panjang, sebagaimana yang terchatet dalam
Rancangan Malaysia Kedua, ~~ada lah~~ *ialah*:

a) menyatukan sistem pelajaran bagi menggalakkan
perchantuman dan perpaduan

dan

b) memperbaiki mutu pelajaran untuk membentok
satu masharakat yang maju berasaskan kapada
sains dan teknologi moden.

Pendidikan

4. Perkhidmatan Talivishen ~~Pelajaran~~ ada-lah satu daripada chara2-nya. Ada-lah di-harap^{kan}kan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kedua ini, perkhidmatan ini akan sampai kepada lebih kurang 86,000 orang murid2 di-215 buah sekolah2 rendah dan 418,000 orang murid2 di-265 buah sekolah2 menengah di-kawasan2 dalam dan luar bandar.

5. Sabagai permulaan, Perkhidmatan ini sudah samesti-nya terhad. Ini tidak boleh di-elakkan oleh kerana beberapa masaalah teknik. Pada tahun ini, ranchangan2 yang di-sediakan ia-lah untok pelajaran Sains dan Ilmu Hisab untok Tingkatan I, dan Sibik untok kelas2 rendah atas dan menengah rendah sabagai suatu ranchangan 'am. Lagi ^{satu} ~~suatu~~ ranchangan 'am ia-lah "Alam Pendidekan" yang di-susun khas untok guru2 supaya mereka sentiasa sedar terhadap perkembangan ^{dalam lapangan} dasar dan iktisas/pelajaran di-Malaysia dan juga perkembangan2 yang sama di-negara2 lain.

6. Sabagai permulaan, Kementerian Pelajaran telah membahagikan2 500 buah peti TV kepada sekolah2 menengah di-seluruh negara. Sekolah2 yang besar telah di-minta membeli atau menyewa peti2 TV masing2. Pada tahun hadapan, ada kemungkinan meluaskan rancangan ini ka-sekolah2 rendah kerana ada-lah di-jangkakan lagi 2,000' buah peti TV akan di-terima untuk di-bahagi2 *kan* ~~kan~~ kepada sekolah2 rendah di-luar bandar. Keutamaan ada-lah di-beri kepada mata2 pelajaran sains dan ilmu hisab, dan di-tambah pula mata2 pelajaran Bahasa Malaysia dan Pelajaran Teknik dan Vokeshenal. Mata pelajaran Sibik akan terus menjadi mata pelajaran yang penting untuk siaran 'am kerana peranan-nya yang penting membena peribadi dan latehan kewarganegaraan. Pada suatu ketika yang akan datang, mungkin latehan guru sa-chara langsung ~~akan~~ ^{*juga*} di-masokkan dalam rancangan ini kerana memandangkan betapa besar-nya kehendak2 untuk latehan guru dalam perengkat asas (pre-teaching) dan ^{*kehendak, latehan guru*} dalam perkhidmatan (in-service ~~training~~ ^{*training*}).

7. Perkhidmatan TV Pendidekan ada-lah di-biayai sebahagian-nya dari pinjaman Bank Dunia. Pinjaman tersebut ada-lah di-gunakan, di-antara-~~nya~~^{lain²}, untuk perbelanjaan sa-buah studio, alat2 dan 5,000 buah peti2 TV. Sabuah surohanjaya penilaian dari Bank Dunia telah membuat suatu kajian yang teliti mengenai kegunaan dan faedah Perkhidmatan TV Pendidekan kita ini. Persetujuan Bank Dunia memberi pinjaman wang itu, ada-lah menggalak~~kan~~ dan menunjukkan keperchayaan mereka terhadap ranchangan ini.

8. Perkhidmatan Talivishen Pendidekan ada-lah ~~suatu~~ ^{suatu} perkhidmatan yang khusus. Saya menguchapkan terima kaseh kepada ~~the~~ British Centre for Educational Television Overseas, ~~the~~ Japanese Broadcasting Corporation, Australian Broadcasting Corporation dan ~~the~~ United Nations Development Programme (UNDP) atas bantuan mereka yang tidak ternilai dengan memberikan latehan dan nasehat pakar kepada ~~kaki-tangan~~ ^{kakitangan} profeshenal kita. Dengan bantuan ini semua-lah, kita berjaya menubuhkan suatu kumpulan permulaan ahli2 profeshenal yang mahir untok perkhidmatan TV Pendidekan ini.

9. ~~Yang Perdana Menteri,~~ Saya suka mengucapkan terima kasih kepada pegawai2 dan kakitangan2 lain Kementerian Pelajaran, terutama sekali Bahagian Perkhidmatan Talivishen Pendidikan, atas daya usaha mereka yang bersungguh2, kerana tanpa usaha mereka itu, pelancharan Perkhidmatan pada pagi ini tidak akan terlaksana.

.....10/..

10. Saterus-nya saya ucapkan terima kaseh kepada para hadzirin sakalian yang telah menyerikan majlis hari ini ----- ia-itu suatu majlis yang mana kami di-Kementerian Pelajaran menaruh dan mempunyai harapan besar untuk memberi pelajaran yang lebeh berguna bagi anak2 kita.

10. Akhir-nya, Tun Perdana Menteri, kami
berasa sangat bangga kerana kehadiran Tun di-
upachara pagi ini, dan saya dengan segala sukachita
mempersilakan Tun ~~Perdana Menteri~~ memberikan ucapan
dan saterus-nya merasmikan pelancharan Perkhidmatan
Talivishen Pendidikan ~~ini~~.

=====





No. Siri	112
No. Penerimaan	112/80